



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

### TAMAN MRANTI MENYASARKAN ANGGARAN NILAI PEMBANGUNAN KASAR (GDV) RM20 BILION, NILAI PULANGAN PAJAKAN TANAH RM2.8 BILION DENGAN PELAKSANAAN PELAN INDUK BAHARU

---

**KUALA LUMPUR, 6 OKTOBER 2022** -Taman MRANTI iaitu taman teknologi dan hab inovasi terunggul di negara akan dinaik taraf untuk mencergaskan semula ekosistem teknologi Malaysia.

Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah merasmikan Pelan Induk Taman MRANTI yang akan memberi tumpuan kepada tiga (3) teras pembangunan iaitu Inovasi, Kemampanan Alam Sekitar dan Budaya Urban/Setempat.

Melalui pelan induk ini, anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) adalah sebanyak RM20 bilion dengan nilai pulangan pajakan tanah RM2.8 bilion oleh MRANTI kepada para pelabur.

Di samping itu, lima (5) kluster teknologi sedang dibangunkan di Taman MRANTI iaitu teknologi dron, pertanian, kesihatan, biosains dan pemboleh 4IR.

“Dengan Pelan Induk baharu di Taman MRANTI ini, MRANTI akan memupuk keupayaan Malaysia dalam 4IR dan teknologi yang sedang berkembang pesat daripada sistem IoT, perkhidmatan IP hujung-ke-hujung dan makmal kepada kemudahan pembuatan kontrak dengan teknologi canggih,” kata YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dalam ucapannya semasa merasmikan Pelan Induk Taman MRANTI.

Menurut beliau, Taman MRANTI bakal direka untuk menarik golongan profesional muda, serta mewujudkan *funnel* yang stabil bagi bakat berkemahiran tinggi. Ia turut dilengkapi dengan infrastruktur moden, termasuk jalur lebar berkelajuan tinggi dan teknologi 5G; universiti atau institusi intensif penyelidikan; serta insentif dan peluang pembiayaan.

“Adalah penting untuk menyediakan lokasi berpusatkan inovasi dengan infrastruktur yang kukuh menerusi konsep lokasi bersama atau *co-location* yang bersepadu. Taman MRANTI akan menjadi titik pertemuan untuk inovator, penyelidik dan pelabur. Justeru itu, ia dapat menyatukan pihak berkepentingan utama serta mengukuhkan ekosistem STI. Gandingan faktor-faktor ini dapat menarik pelaburan langsung asing dan domestik yang diperlukan untuk meningkatkan ekosistem STI dan sekaligus membangunkan ekonomi negara,” katanya.

Beliau menambah, “Kawasan seluas 686 ekar ini telah menarik minat banyak syarikat teknologi, termasuk Intervenn Biosciences, Dedikasi Aba Biosciences, BoomGrow, Spygene Laboratories, Vivantis Technologies dan Reszon. Malahan pada tahun ini, beberapa syarikat teknologi antarabangsa telah memulakan rundingan serius bersama pihak MRANTI untuk bertapak di sini.”

Taman MRANTI juga akan dibangunkan mengikut prinsip-prinsip *Sustainable Development Goals* (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan hasrat untuk mewujudkan pusat inovasi dan hab teknologi yang mampan berdasarkan konsep lestari dan bersih serta memberi inspirasi dan pemangkin kepada inovasi dipacu pasaran melalui perkongsian pintar dan ekosistem.

“Ini selaras dengan aspirasi negara kita untuk menjadi sebuah negara neutral-karbon dan sifar pelepasan Gas Rumah Hijau pada 2050, memelihara hutan semula jadi dan melaksanakan penyelesaian berasaskan semula jadi untuk mengurangkan kesan jangka panjang kepada alam sekitar termasuk menanam 100 juta pokok menjelang 2025,” kata YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Beliau berkata pengkomersialan teknologi mampu meletakkan Malaysia di kedudukan yang lebih baik dalam menangani isu-isu *valley of death* R&D, seterusnya dilihat dapat meningkatkan perbelanjaan kasar penyelidikan dan pembangunan (GERD) dengan menarik pelaburan sektor swasta.

“Taman MRANTI ialah nukleus penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) Malaysia yang akan mempercepatkan inovasi ke pengkomersialan berteraskan ‘impak teknologi’ dalam sektor dan industri utama untuk pembangunan mampan,” katanya.

Susulan perasmian Pelan Induk Taman MRANTI, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan YB Dato’ Sri Dr. Adham bin Baba turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara MIMOS Global dengan MyEG, Turkish Aerospace Industries (Turkiye), AT&S (Austria) dan Efinix (USA).

"Sejajar dengan pembaharuan yang akan dibawa ke MRANTI, MIMOS juga akan diperkukuh dengan merencanakan lagi aktiviti R&D dalam bidang pengkhususan

semikonduktor, mikroelektronik dan ICT. Penjenamaan baharu kepada 'MIMOS Global' akan melambangkan imej baharu yang lebih antarabangsa, sesuai dengan daya saing bidang teknologi yang tidak mengenal sempadan," kata YAB Dato' Sri Ismail Sabri.

Tambahnya, "Aktiviti hulu yang bernilai tambah tinggi seperti rekabentuk litar sepadu (*IC design*), fabrikasi semikonduktor, pembungkusan maju (*advanced packaging*) dan *embedded systems* akan dirancarkan oleh MIMOS untuk memenuhi permintaan industri yang semakin kompleks disebabkan trend penggunaan AI, robotik, sensor dan bahan termaju."

Muat turun gambar, logo dari link [disini](#).

**# TAMAT #**

**Disediakan oleh:  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
6 OKTOBER 2022**

**Pertanyaan Media: Komunikasi Strategik MRANTI  
Fazlyn Kamal, [fazlyn@mymagic.my](mailto:fazlyn@mymagic.my) (+6012-3033 646)  
Syafieqa Satria, [syafieqa@mymagic.my](mailto:syafieqa@mymagic.my) (+6017-395 1088)  
Intan Suraini, [intans@mranti.my](mailto:intans@mranti.my) (+6019-2699 611)**